

▶ PERUTUSAN PENGERUSI



DATO' HAJI ZAINAL BIN DAHALAN
PENGERUSI
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

ASSALAMUALAIKUM W.B.T. DAN SALAM I MALAYSIA

Bagi pihak Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan LPP bagi tahun 2011. Laporan tahunan ini merupakan satu wadah bagi menerangkan pencapaian LPP dalam membangunkan institusi peladang dan ahlinya. Pencapaian yang diperolehi merupakan kayu pengukur bagi LPP untuk terus berkhidmat dengan komited dan cemerlang, terutamanya untuk menghadapi cabaran-cabaran di era globalisasi kini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada semua pihak dan warga kerja LPP yang telah menyumbang kepada kejayaan LPP sepanjang tahun 2011. Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Y.B. Datuk Seri Noh bin Hj Omar, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di atas dorongan, sokongan dan bimbingan yang diberikan sehingga LPP dapat terus maju membangunkan Pertubuhan Peladang (PP) dan ahlinya.

PRESTASI PEMBANGUNAN

Tahun 2011 adalah permulaan bagi Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK-10) dimana projek-projek yang dilaksanakan berasaskan 'Rolling Plan' (RP) yang menitikberatkan 'outcome' dan impak sesuatu projek yang dinilai setiap 2 tahun. Sebagai agensi pembangunan PP, LPP memberi fokus kepada program-program yang memberi faedah kepada ahli peladang melalui PPK seperti program pembangunan pengeluaran bahan makanan asas, pembangunan usahawan peladang serta perkhidmatan kejenteraan ladang. Disamping itu, LPP terus memberi penekanan kepada Program Pembangunan Modal Insan bagi melahirkan mesyarakat peladang yang moden dan progresif sejajar dengan Pelan Korporat LPP 2011-2015.

Sejumlah RM 10.3 juta disediakan oleh LPP dalam tahun 2011 bagi membiayai semua program tersebut bagi melaksanakan projek-projek pengeluaran bahan makanan asas yang meliputi komoditi padi, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan akuakultur. Melalui projek-projek

tersebut LPP telah berjaya melahirkan seramai 12,500 orang usahawan yang disasarkan dalam tempoh RMKe-9 hingga RMKe-10.

LPP juga berterusan melaksanakan program pengedaran bantuan baja di bawah Skim Bantuan Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) yang bernilai RM99.64 juta. Disamping itu, LPP turut terlibat dalam melaksana Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBMN) yang bernilai RM429.1 juta iaitu pengedaran baja NPK tambahan, racun makhluk perosak, kapur dan bekalan jentera serta peralatan pertanian.

PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2011, LPP memperolehi pendapatan berjumlah RM224.56 juta. Sumber pendapatan terdiri daripada pemberian kerajaan untuk peruntukan mengurus berjumlah RM146.01 juta, geran pembangunan dan mengurus yang dilunaskan adalah berjumlah RM45.21 juta dan RM11.82 juta, pendapatan IPP berjumlah RM5.02 juta, faedah atas simpanan dan pinjaman berjumlah RM7.99 juta, yuran audit pendaftar berjumlah RM1.32 juta, sewa rumah kakitangan berjumlah RM0.74 juta, lebihan aset dilupuskan berjumlah RM0.04 juta, hutang ragu dicatat semula berjumlah RM5.43 juta dan pendapatan pelbagai berjumlah RM0.98 juta.

Perbelanjaan sebenar LPP bagi tahun 2011 adalah berjumlah RM202.58 juta. Jumlah perbelanjaan ini terdiri daripada ganjaran kakitangan sebanyak RM118.12 juta, perbelanjaan pembangunan sebanyak RM23.60 juta, perbelanjaan lain berjumlah RM19.74 juta, susut nilai hartanah, loji dan peralatan sebanyak RM33.65 juta, IPP sebanyak RM4.74 juta serta peruntukan dan hapus kira berjumlah RM2.73 juta.


PRESTASI PERTUBUHAN PELADANG

Keseluruhan prestasi PP pada tahun 2011 menunjukkan peningkatan yang baik dimana modal saham PP terkumpul berjumlah RM185.97 juta berbanding RM163.26 juta pada tahun sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 13 peratus. Aktiviti perniagaan berasaskan pertanian yang terdiri daripada (pembekalan input pertanian dan pemasaran hasil pertanian) merupakan

penyumbang terbesar kepada isipadu perniagaan Kumpulan PP yang berjumlah RM1.816 bilion. Dalam tahun 2011, nilai pembekalan input pertanian PP berjumlah RM837.7 juta dan pemasaran hasil pertanian ialah RM978.5 juta. Kedua-dua aktiviti tersebut menyumbang 50 peratus kepada keseluruhan isipadu perniagaan Kumpulan PP di bawah penyeliaan LPP yang bernilai RM 3.637 bilion.

PENGHARGAAN

Dengan penuh takzim, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak bagi membolehkan LPP melaksana dan menjalankan tanggungjawabnya dengan cekap dan berkesan.



DATO' HAJI ZAINAL BIN DAHALAN
D.P.M.S., J.S.M., K.M.N., P.J.K.
Pengerusi
Lembaga Pertubuhan Peladang